

Lelaki tampar bekas isteri dipenjara 12 bulan

KUCHING: Mahkamah Majistret di sini semalam menjatuhkan hukuman penjara 12 bulan terhadap seorang lelaki kerana menampar bekas isterinya.

Majistret Mason Jaro Lenya Barayan menjatuhkan hukuman itu terhadap Hillarry Eteli, 42, selepas dia mengaku bersalah mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan yang dibaca bersama Seksyen 326A kanun sama.

Hillarry didakwa menyebabkan kecederaan

kepada isterinya yang berusia 44 tahun di sebuah rumah di Kampung Tabuan Hilir sekitar jam 2.40 pagi pada 29 Julai 2022.

Berdasarkan fakta kes, Hillarry datang ke rumah untuk melepak tetapi diminta oleh bekas isterinya beredar.

Melihatkan keadaan tersebut, Hillarry naik angin dan melemparkan kata-kata kesat kepada bekas isterinya dan anak perempuan mereka sebelum menampar

mangsa, yang kemudian menyebabkan mangsa mengalami kesakitan di sekeliling mukanya.

Bimbang akan keselamatan diri, mangsa membuat laporan polis yang membawa kepada penangkapan Hillarry pada 29 Ogos 2022.

Siasatan mendapati Hillarry telah menampar bekas isterinya yang turut disaksikan oleh anak perempuan mereka semasa berada rumah.

Hillarry tidak diwakili peguam.